

BERITA HARIAN, JUMAAT, 16 NOVEMBER, 1979

Usaha Mahathir menarik pelabur dipuji

KUALA LUMPUR, Khamis — Persekutuan Majlis-majlis Malaysia memberi penghormatan tertinggi kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad atas usaha beliau menarik pelaburan asing ke negara ini.

Presiden Persekutuan itu, Tan Sri Senator S.O.K. Ubaidulla berkata kesemua rombongan galakan pelaburan yang diketuai oleh Datuk Seri Dr. Mahathir kembali dengan "kejayaan-kejayaan yang amat menggalakkan."

Katanya, negara-negara asing yang berjanji akan menghantar rombongan-rombongan tinjauan ke Malaysia untuk mengkaji peluang-peluang pelaburan di sini selepas diberi keterangan merupakan satu penghormatan tinggi kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

Berucap di majlis makan malam tahunan Persekutuan itu di sini, Tan Sri Senator Ubaidulla juga menyentuh tentang pertikalan perusahaan yang sering berlaku yang disifatkannya sebagai salah satu penghalang yang boleh menjejaskan perkembangan perindustrian di negara ini.

Menyentuh cadangan sebuah rang undang-undang untuk meminda Akta SOCSO untuk membolehkan para pekerja menuntut gantirugi dari majikan andainya mereka cedera semasa bertugas, Tan Sri Senator Ubaidulla mendesak supaya langkah itu diberi perhatian sedalam-dalamnya sebelum dibentangkan.